



## **KAJIAN KESILAPAN PENTERJEMAHAN TEKS BAHASA TAMIL KE BAHASA MELAYU**

### **RESEARCH ON ERROR ANALYSIS IN TRANSLATION OF TAMIL TEXT INTO MALAY**

**Muthukumar B.Palanisamy** /

<sup>1</sup>Lecture, Institute of Teacher Education Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang, Malaysia

Email: [muthusaram@yahoo.com](mailto:muthusaram@yahoo.com)

#### **Abstract**

This article is a research on error analysis in translation of Tamil text into Malay. This research was carried out in three secondary schools in Manjung district. 30 students were involved in this research. The data were gathered from two Tamil texts entitled text A 'Adi Edi' and text B 'Antha Naal Njabagam Vantathe'. The texts were translated into Malay. Beside that, a questionnaire consists of 12 items was given to form six students and five teachers teaching Tamil were interviewed. The errors made by the samples were analysed and categorized using error analysis methodology. Dynamic equivalence proposed by Nida (1969) was used as the theoretical framework for this study. Data was gathered from the texts A and B, a questionnaire and interview carried with five teachers teaching Tamil. The analysis was carried out by comparing the two translated texts by a lecturer from teacher's Training Institute. The questionnaire and interview data were analysed using the qualitative and quantitative method. The findings of this study showed that students made mistakes in grammatical, lexical and contextual meaning. The research showed that most mistakes committed were in grammar (701) than in contextual meanings (282) and lexical (166). Most of the sentences constructed were translated literally from the Tamil Language into Malay. The Researcher has put forward some suggestions as a reference to other translators who often translate from Tamil to Malay.

**Keywords:** Error Analysis, Translated Text, Tamil Language, Malay Language, Form Six Students

#### **Abstrak**

Artikel ini merupakan satu kajian kesilapan penterjemahan teks Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah daerah Manjung, Perak. Seramai 30 orang pelajar Tingkatan 6 yang belajar bahasa Tamil dipilih untuk kajian ini. Kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu dikaji berdasarkan data kajian daripada dua



teks iaitu teks A (Adi Edi) dan teks B (Antha Naal Njabagam Vanthathe) terjemahan bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar, soal selidik yang mengandungi 12 soalan dan menebual lima orang guru bahasa Tamil tingkatan 6 dengan menggunakan temubual tidak berstruktur. Pengkaji mengenal pasti kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar dalam penterjemahan. Kerangka teori yang digunakan adalah terjemahan persamaan dinamis yang disyorkan oleh Nida (1969). Pengumpulan data diperolehi melalui analisis teks A dan B, soal selidik dan temubual tidak berstruktur. Data teks A dan B dianalisis secara perbandingan dengan teks yang diterjemahkan oleh seorang pensyarah Institut Perguruan. Data soal selidik dan temubual tidak berstruktur dianalisis menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesilapan aspek tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesilapan dari segi tatabahasa (701 kesilapan) yang paling banyak dilakukan oleh pelajar dalam kedua-dua teks A dan B. Ini diikuti kesilapan ketepatan makna (282 kesilapan) dan kesilapan leksikal (166 kesilapan). Kebanyakan struktur binaan ayat adalah terjemahan literal daripada struktur-struktur ayat bahasa Tamil. Justeru, beberapa cadangan dikemukakan sebagai panduan kepada penterjemah lain untuk menterjemah daripada teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Analisis Kesilapan, Teks Penterjemahan, Bahasa Tamil, Bahasa Melayu, Pelajar Tingkatan 6

## **Pendahuluan**

Bidang penterjemahan memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan ilmu dan bahasa sesuatu bangsa. Bidang penterjemahan ini dapat membangunkan sesebuah negara dalam aspek perkembangan dan pemodenan bahasa. Oleh yang demikian, terjemahan sesuatu teks daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran perlu dilakukan dengan teliti. Hasil terjemahan sebegini dapat mengekalkan makna mesej asal di dalam teks terjemahan supaya tidak terpesong.

Menurut Nida (1964)<sup>1</sup> terjemahan bermaksud penghasilan semula maklumat dalam bentuk bahasa sasaran mengikut persamaan yang terdekat dan sejadi dengan bahasa sumber dari segi makna dan gaya yang asal. Teori dan aplikasi penterjemahan menjadi cabang bidang kemanusiaan. Pada kebiasaannya penterjemahan teks yang dilakukan oleh manusia bertujuan mencari makna yang sama dengan teks sumber. Ini adalah kerana makna menjelaskan kehidupan dan perlakuan manusia (Zubaidah Ibrahim – Bell, 2006)<sup>2</sup>.

Penggunaan dua bahasa yang berbeza dalam penterjemahan teks menyebabkan berlakunya kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna. Kesilapan sebegini berlaku dalam terjemahan kerana bahasa yang berbeza mempunyai struktur binaan ayat yang berbeza. Penyelidikan tentang kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu merupakan bidang kajian yang penting. Ini kerana melibatkan dua bahasa yang berbeza iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Menurut Pattapiran (2005)<sup>3</sup> penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu harus meneliti aspek subjek, predikat dan ganti nama dalam kedua-dua bahasa



supaya pelajar tidak melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks. Selain daripada ini, penggunaan pendekatan yang sesuai dalam penterjemahan teks seperti kata dan frasa yang sepadan dalam ayat kedua-dua bahasa sumber dan sasaran dapat mengurangkan kesilapan pelajar.

Melihat peranan yang dimainkan oleh penterjemah dalam bidang penterjemahan, maka kajian demi kajian harus dilakukan, supaya bidang ini dapat membantu memartabatkan bahasa Tamil sebagai bahasa ilmu dan kebudayaan dalam kalangan pelajar dan guru-guru Tamil. Kesedaran ini mendorong kajian ini memberi maklumat yang terperinci bertumpu pada terjemahan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Dengan ini, para pelajar dan guru mata pelajaran bahasa Tamil Tingkatan 6 dapat mempelajari bidang penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu dengan betul. Seterusnya pelajar tingkatan 6 ini dapat menghasilkan terjemahan teks yang tepat dan berkualiti. Akhirnya kesilapan-kesilapan dalam teks terjemahan seperti tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna dapat dikurangkan.

### **Penyataan Masalah**

Bahasa Tamil menjadi bahasa pembelajaran kedua dalam sistem pendidikan negara di sekolah rendah dan menengah. Pembelajaran bahasa Tamil ini bukan sesuatu yang mudah. Namun begitu pelajar yang mengambil bahasa Tamil amat lemah dalam kedua-dua kemahiran ini, khususnya dalam aspek penterjemahan teks. Penterjemahan teks memerlukan kedua-dua kemahiran ini. Kemahiran membaca membantu pelajar memahami isi kandungan teks dan mesej yang ingin disampaikan manakala kemahiran menulis membantu pelajar menyampaikan maklumat sebenar teks sumber ke dalam teks sasaran. Pelajar-pelajar Tingkatan 6 yang mengambil bahasa Tamil kertas 1 (Bahagian E iaitu bahagian penterjemahan teks) banyak melakukan kesilapan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2010)<sup>4</sup>. Kajian rintis yang dijalankan sebelum kajian sebenar membuktikan pelajar Tingkatan 6 banyak melakukan kesilapan dalam aspek tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna. Oleh itu pencapaian pelajar Tingkatan 6 dalam bahagian E penterjemahan teks kurang memuaskan dan tidak berkualiti. Pelajar-pelajar Tingkatan 6 tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam terjemahan teks kerana kebanyakan pelajar yang mengambil bahasa Tamil Tingkatan 6 tidak didedahkan dengan latihan terjemahan kerana soalan bahagian E iaitu penterjemahan teks hanya diperkenalkan kepada pelajar tingkatan 6 yang mengambil bahasa Tamil di peringkat STPM. Soalan penterjemahan teks ini tidak diajar sebelum ini dari tingkatan satu hingga lima (Sukatan Pelajaran KBSM Bahasa Tamil, 2004)<sup>5</sup>. Pelajar-pelajar ini diajar oleh guru-guru yang kurang berpengalaman dalam bidang penterjemahan. Pada masa yang sama guru-guru ini tidak mengamalkan prinsip-prinsip penterjemahan yang sesuai dalam pengajaran. Oleh itu pelajar tidak tahu cara terjemahan yang betul dan tepat sehingga seringkali menggunakan pendekatan harfiah dalam terjemahan mereka. Penggunaan pendekatan harfiah menyebabkan maklumat teks asal mengalami kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal yang salah dan makna yang tidak tepat. Keadaan ini menyebabkan terjemahan teks pelajar menjadi tidak teratur dan mempunyai banyak kesilapan. Hal ini berlaku kerana pelajar dipengaruhi oleh penggunaan bahasa pertama sejak di sekolah



rendah iaitu bahasa ibunda (bahasa Tamil). Kesilapan – kesilapan sebegini menyebabkan makna asal teks tidak wujud dalam teks terjemahan dan berlaku kekurangan dalam kualiti terjemahan teks.

Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk mengenal pasti jenis kesilapan dan sebab-sebab kesilapan terjemahan dalam dua teks iaitu teks A (Adi Edi) dan teks B (Antha Naal Njabagam Vanthathe) oleh pelajar Tingkatan 6. Kajian ini akan membantu pelajar Tingkatan 6 dan guru-guru bahasa Tamil Tingkatan 6 untuk menghasilkan satu teks terjemahan yang baik dan berkualiti.

### **Soalan Kajian**

Berdasarkan kajian yang akan dibuat, penyelidik ingin mencari jawapan kepada beberapa persoalan iaitu untuk:

1. Apakah jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Tamil Tingkatan 6 dalam menterjemahkan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu ?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Tamil Tingkatan 6 melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu?

### **Objektif Kajian**

Penyelidik akan mengenalpasti kesilapan dalam teks penterjemahan bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Justeru, kajian ini akan mengkaji dengan mendalam beberapa perkara iaitu:

1. Mengetahui jenis kesilapan yang terdapat dalam terjemahan teks daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu.
2. Mengetahui kekerapan jenis kesilapan dalam teks terjemahan daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu.
3. Mengetahui sebab - sebab pelajar cenderung melakukan kesilapan dalam hasil terjemahan teks daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pelajar-pelajar dalam kajian ini adalah daripada tiga buah sekolah iaitu SMK Ambrose (15 orang pelajar), SMK Methodist Sitiawan (10 orang pelajar) dan SMK Ahmad Boestamam (5 orang pelajar). Kajian ini menggunakan dua teks terjemahan daripada 30 pelajar untuk mengenalpasti kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Kerangka penganalisan menggunakan kerangka teori Nida dan Taber (1969)<sup>6</sup> yang mengutarakan konsep



teori terjemahan dinamis. Teori terjemahan dinamis ini digunakan untuk mengenalpasti kesilapan-kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna dalam teks terjemahan. Kaedah temubual tidak berstruktur digunakan untuk mendapatkan pandangan dan mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pengajaran penterjemahan oleh guru-guru bahasa Tamil Tingkatan 6.

Satu set soal selidik terdiri daripada 12 item dikemukakan kepada pelajar untuk dilengkapkan. Item yang digunakan dalam soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu

- Bahagian A Demografi
- Bahagian B Pendekatan penterjemah
- Bahagian C Pendekatan penterjemah semasa dan selepas menterjemah teks
- Bahagian D Sebab-sebab pelajar melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu.

Selain data teks A dan B, data-data lain yang berkaitan kajian ini diperolehi daripada kajian-kajian lepas yang diterbitkan dalam latihan ilmiah, jurnal dan kertas persidangan. Data media elektronik turut diperolehi daripada internet. Pada masa ini tidak ada kajian terjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Oleh itu data-data kajian lepas yang dibincangkan hanya memfokuskan kesilapan pelajar India dalam karangan bahasa Melayu dan penterjemahan sari berita Tamil ke dalam bahasa Melayu.

### **Prosedur / Langkah – langkah yang dilakukan**

Pengkaji mendapatkan surat kelulusan untuk menjalankan kajian daripada Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Penyelidik juga mendapat kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah berkenaan untuk menjalankan kajian ini. Penyelidik memohon kebenaran daripada pengetua untuk mengutip data melalui teks A dan B. Seterusnya penyelidik meminta kebenaran daripada pengetua ketiga-tiga buah sekolah untuk masuk ke Tingkatan 6 dan mengutip data yang diperlukan melalui teks. Satu taklimat ringkas diberikan kepada pelajar di setiap sekolah tentang terjemahan teks daripada bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Selepas itu penyelidik memerhatikan proses terjemahan teks sehingga selesai dan menyemak setiap teks terjemahan agar semua pelajar menterjemahkan teks. Selepas satu minggu, penyelidik mengulangi semula proses yang sama seperti di atas untuk mendapatkan data melalui teks B. Seterusnya penyelidik mengedarkan set soal selidik kepada pelajar untuk dijawab. Satu taklimat ringkas tentang soalan-soalan soal selidik diberikan. Selepas itu penyelidik memerhatikan proses pungutan data sehingga selesai. Penyelidik menyemak setiap set soal selidik agar semua set dijawab. Selepas itu penyelidik mengucapkan terima kasih kepada para responden atas kerjasama mereka. Penyelidik memproses Kedua - dua teks terjemahan pelajar mengikut tiga jenis kesilapan iaitu kesilapan tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna. Hasil daripada dapatan teks terjemahan penyelidik membuat analisis untuk mendapat jenis kesilapan yang banyak





dilakukan oleh pelajar. Seramai 5 orang guru bahasa Tamil Tingkatan 6 ditemu bual untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk menyokong dapatan kajian ini.

Secara ringkasnya prosedur pengumpulan data ialah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti responden dan sekolah
- ii. Mendapatkan surat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak
- iii. Memohon kebenaran pengetua
- iv. Mengedarkan teks kepada responden
- v. Mengutip teks terjemahan responden
- vi. Mengedarkan borang soal selidik
- vii. Mengutip borang soal selidik
- viii. Temu bual guru-guru bahasa Tamil tingkatan 6
- ix. Analisis teks terjemahan A dan B
- x. Dapatan dan perbincangan

### **Analisis Teks A dan B**

Teks A bertajuk “*Situasi yang terdesak, (Adi Edi )*”, (Vadivelu, 2005)<sup>7</sup>. Teks bahasa sumber (bahasa Tamil) terdiri daripada tujuh perenggan yang merangkumi lebih kurang 190 patah perkataan. Teks ini diambil dari Antologi Cerpen Tamil Ke 20 Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya. Teks B pula bertajuk “*teringat kembali masa silam, (Antha Naal Njabagam Vanthathe)*”, (Kayalvili, 2003)<sup>8</sup>. Teks ini diambil dari Antologi Cerpen Tamil Negeri Perak. Teks bahasa sumber (bahasa Tamil) terdiri daripada tujuh perenggan yang merangkumi lebih kurang 380 patah perkataan. Kedua-dua teks ini dipilih berdasarkan kepada kandungan cerpen yang mempunyai perkataan pinjaman, dialog dan budaya masyarakat tertentu. Aspek tatabahasa akan dilihat dari segi imbuhan, hukum DM, bahasa pasar, kata hubung, kata ganda, kata sendi nama, kata majmuk, kata bantu, kata bilangan, kata kerja, kata naif, kata nama, penjodoh bilangan, kata penguat, kata tanya dan kata adjektif. Pemilihan leksikal dikaji mengikut terjemahan perkataan pinjaman, peniruan dan frasa sesuatu ayat. Kajian ketepatan makna memfokuskan makna kata kerja dalam terjemahan teks.

### **Prosedur Analisis**

Analisis melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama mengenalpasti kesilapan tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna dalam penterjemahan teks A dan B bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Peringkat kedua pula menganalisis kekerapan kesilapan dalam terjemahan teks A dan B bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu.



## **Peringkat Pertama**

Peringkat pertama akan mengenalpasti semua jenis kesilapan penterjemahan dalam teks “*situasi yang terdesak, (Adi Edi)*” yang diambil dari Antologi Cerpen Tamil Ke 20 Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya dan teks “*teringat kembali masa silam, (Antha Naal Njabagam Vanthathe)*”, yang diambil dari Antologi Cerpen Tamil Negeri Perak. Seterusnya kesilapan penterjemahan daripada kedua-dua teks ini akan diklasifikasikan mengikut kerangka teori Nida dan Taber (1969)<sup>6</sup>.

## **Peringkat Kedua**

Peringkat kedua pula melibatkan analisis untuk mendapatkan faktor-faktor kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu.

## **Soal Selidik**

Soal selidik ini membantu seorang pengkaji untuk mengumpul data kajian. Soal selidik ini seharusnya menarik minat responden dan tidak seharusnya menimbulkan rasa bosan. Pengkaji akan memulakan kajian dengan memilih 30 orang responden iaitu pelajar tingkatan enam di tiga buah sekolah menengah di Daerah Manjung. Soal selidik ini menjadi satu sumber maklumat yang penting untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Oleh itu, soal selidik ini harus dibentuk mengikut kesesuaian objektif kajian.

Kajian ini menggunakan soal selidik secara langsung kerana pengkaji boleh bertemu dengan para pelajar untuk mendapatkan jawapan untuk soalan-soalan dalam soal selidik. Dengan cara ini para pelajar akan menjawab soalan dalam soal selidik dengan tekun dan jujur. Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama (bahagian A) mengandungi tiga soalan, bahagian kedua (bahagian B) mengandungi empat soalan, bahagian ketiga (bahagian C) mengandungi empat soalan dan bahagian keempat (bahagian D) mengandungi satu soalan terbuka.

Aspek-aspek yang terkandung dalam bahagian A ialah tentang soalan demografi (maklumat asas pelajar) iaitu nama, jantina dan bahasa yang digunakan di rumah, sementara bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan tindakan seorang penterjemah sebelum menterjemahkan sesuatu teks. Bahagian C pula terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan tindakan penterjemah sewaktu menjalankan proses penterjemahan dan tindakannya selepas melakukan penterjemahan teks. Akhir sekali bahagian empat merangkumi satu soalan tentang sebab-sebab kenapa pelajar melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks yang mereka lakukan.



## **Temubual Tidak Berstruktur**

Temubual merupakan satu kaedah untuk mengumpul maklumat tambahan yang dapat membantu kajian. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji menemubual lima orang guru bahasa Tamil Tingkatan 6. Dalam temubual ini pengkaji tidak menggunakan senarai soalan yang dibina sebelum sesi temubual seperti sesi temubual berstruktur. Semua soalan temubual ditanya secara seponan oleh pengkaji. Dalam sesi temubual ini penemubual akan mengubahsuai soalan mengikut objektif kajian. Tujuan temubual ini adalah untuk mendapatah pandangan dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran penterjemahan kepada pelajar.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bagi mengenal pasti kesuaian item soal selidik. Tujuan kajian rintis ialah untuk memastikan item soal selidik mempunyai kebolehpercayaan dan keesahan. Kajian rintis ini membantu pengkaji menghadapi pelbagai kekangan dalam kajian yang sebenar. Dengan ini dapatan data menghasilkan keputusan kajian yang ada kebolehpercayaan yang tinggi.

Seramai tiga puluh orang pelajar Tingkatan 6 Sekolah Menengah Kebangsaan Ambrose dipilih untuk menjawab item soal selidik dalam kajian rintis ini. Responden ialah pelajar tingkatan enam rendah dan terdiri daripada empat orang pelajar lelaki dan dua puluh enam orang pelajar perempuan. Kajian dijalankan di Pusat Sumber C Sekolah Menengah Ambrose pada sesi persekolahan pagi. Penyelidik menerangkan tujuan kajian ini dan memperkenalkan diri, sebelum mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar. Ini kerana lima puluh peratus pelajar tingkatan enam rendah ialah pelajar dari beberapa buah sekolah di sekitar. Kajian rintis ini bertujuan untuk mendapat kebolehpercayaan dan keesahan terhadap item-item yang terdapat dalam set soal selidik. Ujian rintis ini membantu pelajar mudah memahami soalan yang diberi dalam set soal selidik.

Dapatan kajian bahagian A menyatakan semua responden menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di rumah. Dapatan bahagian B menyatakan tiga orang pelajar sahaja mencari perkataan yang sepadan makna dengan teks terjemahannya. Seramai 25 orang pelajar menterjemahkan teks perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat. Kesemua responden memulakan proses penterjemahan teks tanpa membaca isi kandungan teks. Semua responden ini tidak membaca semula dan menyusun teks terjemahan. Kebanyakan responden melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks kerana gagal mencari perkataan yang sepadan makna dan melakukan banyak kesilapan tatabahasa seperti imbuan, hukum DM, kata sendi, kata kerja dan sebagainya. Penyelidik menerangkan kajian kali kedua akan diadakan untuk mendapat hasil kajian yang lebih berkualiti. Akhirnya satu set soal selidik yang terdiri daripada 12 item soalan dibentuk.





## **Kaedah Analisis**

Kedua-dua teks sumber yang diberikan kepada pelajar dalam kajian ini diserahkan terlebih dahulu kepada seorang pensyarah Institut Perguruan untuk diterjemahkan sebelum data teks dikumpulkan. Data teks merangkumi kesilapan-kesilapan penterjemahan yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna. Data – data daripada tujuh perenggan kedua-dua teks yang merangkumi kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna ini dianalisis mengikut kerangka teori Nida dan Taber (1969)<sup>6</sup> yang berorientasikan terjemahan dinamis. Kedua-dua teks sumber yang diterjemahkan oleh pensyarah Institut Perguruan dan teks sasaran yang telah diterjemahkan oleh 30 pelajar akan dibuat perbandingan dalam aspek kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna.

Selepas perbandingan teks, kesemua kesalahan dalam tiga puluh teks akan dikategorikan mengikut kerangka teori Nida dan Taber (1969)<sup>6</sup> iaitu menggunakan terjemahan dinamis. Proses perbandingan kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu ini akan dilakukan sehingga kesemua tujuh perenggan dalam kedua-dua teks selesai dibuat.

Aspek tatabahasa akan dilihat dari segi imbuhan, hukum DM, bahasa pasar, kata hubung, kata ganda, kata sendi nama, kata majmuk, kata bantu, kata bilangan, kata kerja, kata nafi kata nama, penjodoh bilangan, kata penguat, kata tanya dan kata adjektif. Pemilihan leksikal pula dikaji mengikut terjemahan perkataan pinjaman, peniruan dan makna gramatikal sesuatu perkataan ataupun frasa. Kajian ketepatan makna memfokuskan makna kata kerja dalam terjemahan teks. Pengkaji memfokuskan makna kata kerja ini kerana pelajar selalu melakukan kesilapan dalam terjemahan unsur kata kerja.

Dalam kajian ini taburan kekerapan digunakan sebagai statistik untuk mendapatkan kekerapan jenis kesilapan penterjemahan dalam kedua-dua teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu angka digunakan untuk menganalisis jawapan pelajar dalam borang soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Penganalisan soal selidik dan dapatan daripada temubual tidak berstruktur menggunakan kaedah kualitatif. Seterusnya, pengkaji memberikan contoh – contoh kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna.

## **Analisis Data**

pengkaji memberi tumpuan terhadap dapatan kajian daripada aspek jenis kesilapan, kekerapan kesilapan dan sebab-sebab berlaku kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu oleh pelajar tingkatan 6. Pertama, pengkaji mengenalpasti kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna dalam kesemua 30 teks terjemahan pelajar (A & B). Seterusnya pengkaji menganalisis data daripada soal selidik. Pengkaji juga menjalankan temubual tidak berstruktur daripada lima orang guru bahasa Tamil Tingkatan 6.



Jadual 1:

Kesilapan tatabahasa, leksikal/frasa dan ketidaktepatan makna secara umum

Perenggan	Tata bahasa teks A	Tata bahasa teks B	Leksikal/ Frasa teks A	Leksikal/ Frasa teks B	Ketidak tepatan makna teks A	Ketidak tepatan makna teks B
1	69	164	2	26	14	39
2	16	60	3	-	17	23
3	20	63	28	-	4	56
4	27	102	7	31	2	15
5	13	79	36	-	20	10
6	7	41	0	16	40	11
7	21	19	6	11	12	19
Jumlah	173	528	82	84	109	173
Jumlah	701		166		282	

Secara umumnya jadual 6 menyatakan bahawa pelajar tingkatan 6 yang menterjemahkan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu melakukan kesilapan yang banyak dalam aspek tatabahasa iaitu sebanyak 701 kesilapan. Kesilapan leksikal / frasa pula melibatkan 166 kesilapan manakala kesilapan ketepatan makna melibatkan 282 kesilapan.

Jadual 2:

Kesilapan tatabahasa, leksikal / frasa dan ketidaktepatan makna secara umum data teks A

Perenggan	Tatabahasa	Kekerapan %	Leksikal/ frasa	Kekerapan %	Ketepatan makna	Kekerapan %
1	69	40	2	2	14	13
2	16	9	3	4	17	16
3	20	12	28	34	4	3
4	27	16	7	9	2	2



5	13	7	36	44	20	18
6	7	4	0	0	40	37
7	21	12	6	7	12	11
Jumlah	173	100%	82	100%	109	100%

Secara keseluruhannya data teks A menunjukkan bahawa, terdapat 364 kesilapan iaitu 173 (47.5%) kesilapan tatabahasa, 82 (22.5%) kesilapan leksikal/frasa dan 109 (30%) ketidaktepatan makna. Pelajar melakukan banyak kesilapan dalam tatabahasa iaitu 173 kesilapan diikuti 109 ketidaktepatan makna dan 82 kesilapan leksikal/frasa dalam teks A.

Jadual 3:

Kesilapan tatabahasa, leksikal/frasa dan ketidaktepatan makna secara umum data teks B

Perenggan	Tatabahasa	Kekerapan %	Leksikal/frasa	Kekerapan %	Ketepatan makna	Kekerapan %
1	164	31	26	31	39	23
2	60	11	-	-	23	13
3	63	12	-	-	56	32
4	102	19	31	37	15	9
5	79	15	-	-	10	6
6	41	8	16	19	11	6
7	19	4	11	13	19	11
Jumlah	528	100%	166	100%	282	100%

Secara keseluruhannya data teks B menunjukkan bahawa, terdapat 785 kesilapan iaitu 528 kesilapan tatabahasa, 166 kesilapan leksikal/frasa dan 282 ketidaktepatan makna. Pelajar melakukan banyak kesilapan dalam tatabahasa iaitu 528 kesilapan diikuti 282 ketidaktepatan makna dan 166 kesilapan leksikal/frasa dalam teks B.

### **Analisis data daripada soal selidik**

Pengkaji telah menggubal soal selidik dan mengemukakannya kepada 30 orang responden yang terdiri daripada 30 orang pelajar tingkatan 6 untuk mengenalpasti sebab-sebab pelajar cenderung melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Soal selidik tersebut mengandungi soalan - soalan yang berkaitan dengan data demografi, pendekatan penterjemah sebelum menterjemahkan teks, pendekatan semasa dan selepas penterjemah



menterjemahkan teks dan sebab-sebab pelajar melakukan kesilapan dalam penterjemahan teks. Bagi tujuan ini, pengkaji membahagikan hasil soal selidik kepada bahagian-bahagian berikut:

- a) bilangan pelajar dan bahasa yang digunakan di rumah
- b) pendekatan penterjemah sebelum menterjemahkan teks (ya/tidak)
- c) pendekatan semasa dan selepas penterjemah menterjemahkan teks (sangat tidak setuju/tidak setuju/ kurang pasti/setuju/sangat setuju)
- d) sebab-sebab pelajar melakukan kesilapan dalam pen terjemahan

Dapatan data bahagian A soal selidik menyatakan tiga orang responden terdiri daripada pelajar lelaki dan selebihnya pelajar perempuan iaitu 27 orang. Kesemua 30 orang pelajar ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di rumah. Ini adalah kerana bahasa Tamil menjadi bahasa ibunda dan menjadi bahasa pertuturan pertama pelajar-pelajar ini. Kesemua pelajar bahasa Tamil Tingkatan 6 merupakan pelajar yang datang daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Dapatan data soal selidik bahagian B menyatakan sepuluh orang pelajar bersetuju dengan pendekatan guru yang mengajar dengan menterjemahkan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu manakala 20 orang pelajar tidak suka pendekatan guru yang mengajar dengan menterjemahkan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Seramai 18 orang pelajar mengatakan bahawa guru yang mengajar terjemahan teks ini harus membaca teks dalam bahasa Tamil sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Seramai 12 pelajar mengatakan bahawa guru yang mengajar penterjemahan teks mereka tidak berbuat demikian. Guru-guru ini meminta pelajar sendiri membaca teks dan menterjemahkannya dengan stail dan gaya bahasa sendiri. Dapatan soal selidik bahagian ini menunjukkan lima orang pelajar sahaja yang mempunyai inisiatif untuk meminjam perkataan yang sepadan ataupun se hampir semasa melakukan proses penterjemahan teks mereka. 25 orang pelajar melakukan proses penterjemahan teks tanpa mencari ataupun meminjam perkataan bagi perkataan-perkataan yang tidak ada makna dalam teks. Secara kesimpulannya kebanyakan pelajar iaitu seramai 25 orang pelajar menggunakan cara penterjemahan ayat demi ayat dan seramai 5 orang pelajar menggunakan cara penterjemahan perkataan demi perkataan.

Struktur tatabahasa dan perkataan berbeza antara pelbagai bahasa. Begitu juga dengan bahasa Tamil dengan bahasa Melayu. Terjemahan teks sebegini menyebabkan pelajar melakukan banyak kesilapan kerana menggunakan pendekatan harfiah iaitu penterjemahan perkataan demi perkataan dan ayat. Ketiadaan kepakaran dalam bilingual dan tidak ada tunjuk ajar guru yang betul maka menyebabkan berlaku kesilapan aspek tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna dalam terjemahan teks pelajar.

Dapatan soal selidik bahagian C menyatakan 10 orang pelajar membaca teks untuk memahami isi kandungan teks manakala 20 orang pelajar terus memulakan proses penterjemahan tanpa memahami isi kandungan teks sumber yang sebenar. Seramai 25 orang pelajar mengatakan mereka tidak memahami tahap-tahap makna seperti makna kiasan, makna



emosi dan makna terus dalam proses penterjemahan teks. Lima orang pelajar menyatakan mereka memahami tahap-tahap makna dalam teks terjemahan. 25 orang pelajar menyatakan mereka tidak menyemak dan menyusun semula teks yang mereka terjemahkan. Lima orang pelajar mengatakan mereka akan menyemak dan menyusun semula teks terjemahan. Walaupun kebanyakan pelajar tidak sedar akan kepentingan dan kesan penterjemahan teks tetapi kesilapan mereka boleh di atasi sekiranya latihan penterjemahan dapat membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Bahagian D soal selidik menyatakan tujuh sebab utama berlakunya kesilapan dalam terjemahan teks. Kesukaran dalam menterjemahkan perkataan atau ayat menjadi sebab utama berlakunya kesilapan dalam terjemahan teks (30 orang). Ini diikuti dengan pelajar yang tidak memahami makna sebanyak (25 orang). Seramai 10 orang tidak memahami teks dan kurang latihan penterjemahan. 6 orang menyatakan konsep yang tidak jelas dan kesilapan tatabahasa seperti kata nama, kata sendi, hukum DM, kata bantu, imbuhan dan sebagainya. 5 orang menyatakan tidak menyusun teks selepas menterjemahkan teks. Oleh itu dapatan soal selidik menunjukkan bahawa faktor kesukaran dalam menterjemahkan perkataan atau ayat dan tidak memahami makna menjadi dua sebab utama pelajar melakukan kesilapan dalam terjemahan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Sebab-sebab ini mendorong berlakunya kesilapan dalam tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna dalam teks terjemahan pelajar.

### **Analisis data Temubual tidak berstruktur**

Dalam kajian ini temubual tidak berstruktur melibatkan lima orang guru bahasa Tamil tingkatan 6. Kesemua temubual bertumpu kepada:

- a) masalah yang dihadapi sewaktu guru menjalankan pengajaran penterjemahan.
- b) pendekatan yang digunakan oleh guru semasa mengajar penterjemahan teks.
- c) Cadangan - cadangan untuk mengatasi masalah dalam pengajaran penterjemahan.

Dapatan temubual tidak berstruktur daripada lima orang guru yang mengajar penterjemahan bahasa Tamil Tingkatan 6 ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran penterjemahan, kedua pendekatan yang digunakan dalam penterjemahan dan ketiga cadangan untuk meningkatkan tahap penguasaan dalam penterjemahan teks pelajar. Tiga orang guru menyatakan faktor penutur natif iaitu pertuturan bahasa Tamil sejak lahir menyebabkan pelajar menghadapi masalah sewaktu menterjemahkan teks bahasa Tamil ke dalam bahasa lain. Ini kerana penterjemahan pelajar terganggu akibat penggunaan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda (bahasa Tamil).

Kebanyakan pelajar bahasa Tamil ini mempunyai penguasaan bahasa Tamil yang memuaskan berbanding bahasa Melayu. Dapatan temubual tidak berstruktur ini menyimpulkan bahawa kesemua guru (lima orang guru) mengatakan pelajar kurang memahami isi kandungan teks yang hendak diterjemahkan. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam penterjemahan teks antara satu bahasa ke dalam satu bahasa yang lain. Seorang guru





mengatakan faktor pelajar tidak mempunyai kepakaran bilingual menjadi masalah dalam penterjemahan teks dan seorang lagi mengatakan kelemahan dalam penguasaan perbendaharaan kata menjadi masalah kepada pelajar. Kesemua guru menggunakan pendekatan terjemahan ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan. Cara pengajaran sebegini menyebabkan pelajar terikut dengan gaya struktur bahasa sumber dalam teks terjemahan mereka. Lima orang guru mencadangkan semua pelajar harus meningkatkan latihan penterjemahan dan meluaskan pembacaan untuk menguasai perbendaharaan kedua-dua bahasa demi mengelakkan kesilapan seperti tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna di samping meningkatkan mutu penterjemahan teks

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan pelajar melakukan kesilapan dalam aspek tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna. Antara ketiga-tiga aspek tersebut, didapati kebanyakan pelajar melakukan kesilapan penterjemahan dalam tatabahasa (701 kesilapan). Ini dikuti dalam aspek ketepatan makna (282 kesilapan) dan leksikal/frasa (166 kesilapan). Hukum DM, imbuhan dan kata ganda dalam kategori tatabahasa menjadi kesilapan terjemahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar. Ini kerana kebanyakan perkataan dan struktur ayat adalah terjemahan literal daripada struktur-struktur ayat bahasa Tamil. Terjemahan literal daripada struktur-struktur ayat dan perkataan menyebabkan pelajar melakukan banyak kesilapan seperti yang ditunjukkan dalam data analisis kesilapan tatabahasa. Kesilapan leksikal disebabkan pemilihan perkataan pinjaman dan peniruan yang salah dalam teks terjemahan. Frasa kata kerja yang tidak tepat juga menyebabkan berlakunya kesilapan terjemahan. Kesemua kesilapan ini berpunca daripada kegagalan pelajar menterjemahkan teks dengan makna yang tepat dan betul. Makna bahasa sumber perlu sepadan dengan makna bahasa sasaran. Oleh itu dalam terjemahan teks ini, pelajar seharusnya mencari bentuk-bentuk perkataan yang se hampir makna dan bukannya mencari perkataan yang serupa. Seterusnya terjemahan teks pelajar harus mengekalkan stail keaslian bahasa sumber dan tidak ada mirip terjemahan apabila dibaca oleh pembaca teks sasaran.

Dapatan analisis ketepatan makna menyimpulkan makna yang digunakan dalam teks sumber menunjukkan makna kata kerja. Pelajar yang tidak dapat menterjemahkan makna kata kerja dengan kehendak teks sasaran menyebabkan berlakunya kesilapan dalam ketepatan makna. Oleh kerana tidak ada makna yang sama untuk dua perkataan di dalam dua bahasa maka pelajar seharusnya menggunakan persamaan yang terdekat yang dijelaskan oleh Nida dan Taber (1969)<sup>5</sup> dalam terjemahan dinamis. Selain daripada ini kandungan teks terjemahan pelajar merupakan kandungan cerpen yang melibatkan penggunaan bahasa komunikasi masyarakat yang berbeza. Oleh itu dalam terjemahan teks A dan B ini pelajar harus menyesuaikan makna-makna yang diungkapkan dalam bahasa sumber sama dengan dalam bahasa Melayu. Secara kesimpulannya, kesilapan - kesilapan tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna berlaku disebabkan kekurangan pengetahuan pendekatan penterjemahan pelajar itu sendiri. Penggunaan bahasa kedua selain bahasa Tamil dalam terjemahan menjadi satu lagi masalah kepada pelajar dalam terjemahan teks. Pelajar yang mempunyai pengaruh bahasa pertama iaitu bahasa Tamil dan kurang berkemahiran



dalam penguasaan bahasa Melayu menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam teks terjemahan. Pelajar yang menterjemahkan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu harus mempunyai kemahiran penguasaan perbendaharaan kata yang baik dalam bahasa Melayu. Ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan dan merupakan bahasa komunikasi yang utama penduduk negara kita. Pengaruh daripada faktor-faktor ini menyebabkan terjemahan pelajar- pelajar ini menjadi salah dan tidak gramatis.

Dapatan kajian daripada analisis soal selidik menunjukkan pelajar menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa utama di rumah. Bahasa Tamil menjadi bahasa utama pertuturan pelajar bahasa Tamil tingkatan 6 berbanding bahasa-bahasa lain sejak di sekolah rendah lagi. Oleh yang demikian, pelajar menggunakan pendekatan terjemahan ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan untuk menterjemahkan teks. Cara terjemahan ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan menyebabkan pelajar meniru semula struktur bahasa Tamil dalam terjemahan mereka. Kesilapan pelajar-pelajar menggunakan terjemahan literal daripada ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan menyebabkan terjemahan teks menjadi berbau teks sumber bahasa Tamil. Penterjemahan pelajar menjadi salah apabila berlakunya masalah seperti kesukaran dalam menterjemahkan perkataan ataupun ayat yang memberi makna yang utama dalam sesuatu teks. Begitu juga dengan masalah pelajar yang tidak memahami makna. Keadaan ini menimbulkan persoalan dalam penggunaan pendekatan terjemahan yang sesuai oleh pelajar dalam penterjemahan teks untuk mengekalkan makna teks sumber. Dengan ini dapat disimpulkan penterjemahan ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan menjadi sebab utama pelajar melakukan kesilapan aspek tatabahasa, leksikal dan ketepatan makna dalam terjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Dapatan data soal selidik ini menyokong dapatan data teks terjemahan A dan B di mana cara terjemahan teks oleh pelajar melibatkan terjemahan literal iaitu perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat. Cara terjemahan sedemikian menyebabkan berlakunya kesilapan dalam terjemahan teks pelajar Tingkatan 6.

Dapatan kajian daripada analisis temubual tidak berstruktur menunjukkan pelajar yang menutur bahasa Tamil sebagai bahasa pertuturan utama tidak berkemahiran dalam bahasa lain khususnya bahasa Melayu. Semua guru yang ditemubual mengatakan pelajar kurang berkemahiran dalam membaca teks terjemahan bahasa-bahasa lain menyebabkan mereka tidak arif dalam terjemahan. Pelajar juga tidak berpengetahuan dalam penggunaan pendekatan penterjemahan yang sesuai kerana ramai guru sendiri tidak mempunyai kepakaran dalam pengajaran pendekatan penterjemahan teks yang sesuai. Kebanyakan pelajar menggunakan penterjemahan perkataan demi perkataan ataupun ayat demi ayat yang diajar oleh guru mereka. Oleh itu, pendekatan yang disyorkan dalam kajian ini iaitu terjemahan dinamis dapat membantu mengurangkan kesilapan pelajar dalam terjemahan teks. Walaubagaimanapun masih wujud masalah dalam penterjemahan teks kerana mereka tidak mempunyai latihan terjemahan yang cukup dan kurang membaca contoh teks terjemahan. Pada masa yang sama pelajar harus menitikberatkan penggunaan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia kerana bahasa ini mempunyai kepentingan yang tinggi dalam aspek pendidikan negara. Penguasaan bahasa Malaysia mampu meningkatkan tahap terjemahan pelajar dalam apa jua bahasa tanpa berlakunya



kesilapan bahasa. Justeru, semua guru harus menitikberatkan pembelajaran bahasa kebangsaan kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan terjemahan pelajar.

### **Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati kajian lanjutan perlu bagi memastikan usaha pembangunan bidang terjemahan ini berterusan. Berikut adalah cadangan kajian lanjutan bagi tajuk kajian ini.

- a. Kajian berkaitan kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu boleh dijalankan dengan skop populasi yang lebih besar dengan melibatkan pelajar Tingkatan 6 yang mengambil bahasa Tamil di seluruh negeri Perak atau seluruh negara.
- b. Skop kajian boleh diperluas dengan mengambil kira pelajar-pelajar di institut perguruan dan universiti.
- c. Kajian ini boleh dijalankan dengan lebih meluas dan mendalam dengan mendapat maklum balas tentang penggunaan pendekatan dalam penterjemahan daripada guru, pakar bidang penterjemahan dan badan yang berkaitan dengan bidang penterjemahan.

### **Penutup**

Berdasarkan perbincangan, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna dalam penterjemahan perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Oleh itu, kita harus bersama – sama berusaha untuk mengurangkan kesilapan dalam penterjemahan teks supaya bidang penterjemahan di negara kita bertambah maju.

### **Rujukan**

1. Nida, E. A. (1964). *Principles of correspondences in venutti lawrence: the translations studies reader*. London: Routledge.
2. Zubaidah Ibrahim, Abdul Rahim Mat Yassim & Supramani Shoniah. (2006). *Language and translation studies (Kajian bahasa dan terjemahan)*. Kuala Lumpur: Ubiversity of Malaya Press
3. Pattapiran. (2005). *Mozhipeyarppu kalai*. Chennai: Arts Printers.
4. Majlis Peperiksaan Malaysia. (2010). *Quality Score (Kupasan mutu jawapan)*. Kuala Lumpur: MPM.
5. Ministry of Education. (2004). *KBSM Tamil language syllabus (Sukatan pelajaran Bahasa Tamil KBSM)*. Kuala Lumpur: Curriculum Development Center.
6. Nida, E. A., & Taber, C.R. (1969). *The theory and practise of translation*. Leiden: E.J. Brill
7. Vadivelu. (2005). *Tamil Language Society 20<sup>th</sup> Tamil short stories anthology (Antologi cerpen Tamil ke-20 Persatuan Bahasa Tamil)*. Kuala Lumpur: Indrajaya Press.
8. Kayalvili (2003). *Perak state Tamil short stories anthology (Antologi cerpen tamil negeri Perak)*. Ipoh: Shanti Puplication.